

Karnival Kerjaya Manfaatkan Pelajar FKP



Pekan, 18 Mei – Seramai 200 orang pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Pahang (UMP) menghadiri "Road to Graduation Carnival" anjuran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi (JHKK) bagi meningkatkan kesedaran membina kerjaya masa depan.

Dengan bertemakan "Green Competency" dan "Sustainability" antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi konsultansi professional bagi setiap pelajar membabitkan sesi konsultansi resume dan taklimat kerjaya daripada pihak Thinkplus Consultancy Sdn Bhd.

Hadir dalam program Pengarah Bahagian Pengurusan Kualiti dan Penarafan JKHH, Kartina Johan @Rahmat dan Pengarah Urusan Thinkplus Consulting Sdn Bhd, Dr. Norsaidatul Akmar Mazelan.

Turut diadakan sesi perkongsian usahawan dobi, Ahmad Hafir Jaman dan Pemilik Pakar Dobi Sdn Bhd. Ahmad Hafir yang berkongsi pengalaman membina perniagaan dobi serta mengetengahkan ciri-ciri usahawan yang perlu diterapkan kepada pelajar untuk berjaya dalam perniagaan.



Penyelaras Student Skill Development Centre dari FKP, Dr. Muhammad Aizzat Zakaria berkata, pelajar didedahkan dengan maklumat terkini berkaitan pasaran industri semasa dan menerapkan ciri-ciri "Green Competency" yang perlu ada untuk mempersiapkan mereka menghadapi dunia pekerjaan yang mencabar.

Bagi melengkapkan sesi perkongsian industri, Pengarah 3R Quest, Jerome Heah yang merupakan pakar pengurusan siswa berjadual, telah memberikan pelbagai contoh kes kajian berkaitan "Competency Graduates" dalam taklimatnya yang

bertajuk "Competency Graduates: Get Real!".

"Program ini telah berjaya mencapai matlamat untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kriteria "Green Competency" yang perlu mereka ada. Pada masa yang sama, konsultansi percuma dari konsultan profesional juga banyak membantu pelajar membaiki diri mereka dan membantu mereka untuk mendapat pekerjaan apabila tamat belajar kelak," katanya.

Dalam masa yang sama berlangsung program konsultansi resume dan kerjaya yang dijalankan di Bilik Sumber FKP. Pelajar berpeluang mendapatkan khidmat konsultansi profesional secara percuma daripada Thinkplus Consultancy Sdn Bhd dan resume yang dihantar akan disimpan di dalam pangkalan data mereka selama tiga bulan untuk dinilai oleh mana-mana syarikat yang berminat terutamanya di dalam bidang industri minyak dan gas.



Disediakan oleh Dr. Muhammad Aizzat Zakaria, Penyelaras Student Skill Development Centre, FKP dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 26-05-2016, 14:22:35